

<p>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the Outward Bills Collection. Seek clarification from your institution if you do not understand any part of this document or the general terms).</p>	<p>KUTIPAN BIL KELUAR</p> <p>Tarikh:</p>												
<p>1. Apakah produk ini?</p> <p>Kutipan Bil Keluar (<i>Outward Bills Collection</i> atau OBC) ialah perkhidmatan kutipan yang ditawarkan kepada Penjual (Pelanggan) bagi memudahkan kutipan hasil jualan atau eksport daripada Pembeli mereka melalui Bank Pembeli (Bank Pengeluar Surat Kredit/Bank Pemungut) di negara Pembeli. Dalam hal ini, Bank memainkan peranan sebagai Agen Kutipan untuk Pelanggan, yang bertindak atas arahan mereka berhubung dengan terma dan syarat di mana dokumen penghantaran akan dikeluarkan kepada Pembeli.</p>													
<p>2. Apakah ciri-ciri utama produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> OBC adalah tertakluk kepada Uniform Rules for Collection, Publication 522 (URC 522) atau Uniform Customs and Practice for Documentary Credits, Publication 600 (UCP 600). Bank hanya bertindak sebagai Agen Kutipan untuk Pelanggan, tanpa tanggungjawab kewangan. Dokumen penghantaran yang berkenaan akan dikemukakan kepada Pembeli sebagai pertukaran untuk bayaran segera (Bila Tampak/DP) atau penerimaan Bil Pertukaran (Usans/DA). <p><i>Nota: DP – Dokumen Terhadap Pembayaran (Documents Against Payment) ; DA – Dokumen Terhadap Penerimaan (Documents Against Acceptance)</i></p>													
<p>3. Bagaimanakah cara untuk saya memohon produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Anda tidak perlu mempunyai apa-apa kemudahan yang diluluskan terlebih dahulu oleh Bank untuk memohon perkhidmatan ini. Permohonan untuk Kutipan Bil Keluar mesti dilakukan dalam Borang Permohonan standard Bank, yang dilengkapi dan ditandatangani sewajarnya oleh penandatanganan yang dibenarkan anda. Setiap permohonan mesti disertakan dengan dokumen penghantaran yang sewajarnya seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan. 													
<p>5. Apakah tanggungjawab saya?</p> <p>Memberikan arahan kutipan yang tepat dan lengkap kepada Bank.</p>													
<p>6. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> Arahan kutipan yang tidak lengkap mungkin akan mengakibatkan kelewatan dan/atau tiada pembayaran dan/atau tiada penerimaan oleh Pembeli. Kos tambahan mungkin akan ditanggung akibat komunikasi yang tidak diperlukan antara Bank dan Bank Pemungut. 													
<p>7. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th></th> <th>Jualan</th> <th>Eksport</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Fi Kutipan</td> <td> <u>Kutipan dalam RM</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM500.00 <u>Kutipan dalam Mata Wang Asing</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM100.00 </td> <td> <u>Kutipan dalam RM</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM500.00 <u>Kutipan dalam Mata Wang Asing</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM100.00 </td> </tr> <tr> <td>Duti Setem</td> <td colspan="2">Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)</td> </tr> <tr> <td>Caj Lain</td> <td colspan="2">Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Nota: Bank boleh menyemak semula komisen, kadar faedah, fi dan caj dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlaknya, tertakluk kepada Bank memberikan anda notis 21 hari terlebih dahulu.</i></p>			Jualan	Eksport	Fi Kutipan	<u>Kutipan dalam RM</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM500.00 <u>Kutipan dalam Mata Wang Asing</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM100.00	<u>Kutipan dalam RM</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM500.00 <u>Kutipan dalam Mata Wang Asing</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM100.00	Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)		Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut	
	Jualan	Eksport											
Fi Kutipan	<u>Kutipan dalam RM</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM500.00 <u>Kutipan dalam Mata Wang Asing</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM100.00	<u>Kutipan dalam RM</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM500.00 <u>Kutipan dalam Mata Wang Asing</u> 0.1% Rata, minimum RM50.00 dan maksimum RM100.00											
Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)												
Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut												

8. Apakah risiko-risiko utama?
<ul style="list-style-type: none">• Pembayaran tidak dijamin kerana Bank hanya bertindak sebagai Agen Kutipan.• Di bawah Kutipan Usans (DA), walaupun penerimaan mungkin telah diperolehi daripada Pembeli, tidak ada jaminan bahawa mereka akan melakukan pembayaran pada tarikh matang.• Ketidakkampuan bayar Pembeli atau Bank Pemungut boleh mengakibatkan tiada pembayaran dan/atau tiada pemulihan dokumen penghantaran.
9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?
Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda, sila maklumkan cawangan UOBM yang terdekat atau Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan atau hubungi Pengurus Perhubungan UOBM anda.
10. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?
<ul style="list-style-type: none">• Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121• Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel: 1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke bnmtelelink@bnm.gov.my)
11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?
<ul style="list-style-type: none">• Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila kunjungi cawangan UOBM yang terdekat atau hantar E-mel ke businessbanking.servicecentre@uob.com.my atau log masuk ke www1.uob.com.my untuk maklumat lanjut.• Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan UOBM kami di Kuala Lumpur 603 - 2616 6800; Pulau Pinang 604 - 2626 800; Johor Bahru 607 - 2236 800; Kuching 082 - 236 820; Kota Kinabalu 088 - 246 820

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada September 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank dari semasa ke semasa

Kepada: UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)

Saya/Kami dengan ini mengakui penerimaan Helaian Pendedahan Produk di atas.

Penandatanganan yang Dibenarkan & Cop Syarikat
Tarikh: